

# Keberkesanan Undang-undang Baru Keluarga Islam Dalam Mengurangkan Kadar Perceraian Di Malaysia

Abdul Kadir Hj. Muhammad

## Abstract

*The paper studies the application of Kelantan Muslim Family Law [1983] and Trengganu Muslim Family Administration Law [1985] and their effect in the respective states. The data gathered indicated that the two laws are instrumentally effective in reducing divorce rate in the states as a whole but in certain districts it is as high as it was.*

## Mukadimah

*"Perceraian adalah semurka-murka perkara yang halal di sisi Allah".*  
Demikian sabda Rasulullah. Berdasarkan sabda tersebut, jelas Islam sangat menyempitkan peluang perceraian. Ia tidak diizinkan tanpa sebab-sebab yang betul-betul perlu. Sebagai pelaksanaan terhadap maksud hadis tersebut, berbagai usaha telah diambil bagi membendung perceraian di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Antaranya perlaksanaan peruntukan perceraian melalui mahkamah sebagaimana yang terdapat dalam Enakmen Keluarga Islam yang baru bagi negeri-negeri di Malaysia.

Dalam tulisan ini perbincangan hanya akan difokaskan kepada perceraian yang berlaku di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja. Tujuannya ialah untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan peruntukan berkenaan dalam mengawal berlakunya perceraian di kedua-dua buah negeri itu.

### **Perceraian di Kelantan**

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, 1983 memperuntukkan sesiapa yang menceraikan isteri tanpa kebenaran mahkamah dianggap melakukan satu kesalahan dan jika didapati bersalah dia boleh didenda tidak lebih dari RM300 atau tiga bulan penjara ataupun kedua-duanya sekali.<sup>1</sup> Enakmen ini dikuatkuasakan pada tahun 1984.

Data-data perceraian yang berlaku sebelum dan selepas penguatkuasaan undang-undang berkenaan menunjukkan bahawa peruntukan tersebut memang berkesan dalam mengurangkan kadar perceraian di negeri Kelantan. Ini dapat dilihat dari data-data di bawah:

**Jadual 1**  
**Kadar Perceraian Seluruh Negeri Kelantan Dari Tahun 1980-1991**

| Tahun | Perkahwinan | Perceraian | Peratus |
|-------|-------------|------------|---------|
| 1980  | 9540        | 3912       | 41      |
| 1981  | 9307        | 3780       | 40.6    |
| 1982  | 9421        | 3552       | 37.7    |
| 1983  | 9711        | 3566       | 36.7    |
| 1984  | 7915        | 1419       | 17.9    |
| 1985  | 8065        | 1608       | 19.9    |
| 1986  | 7996        | 1738       | 21.8    |
| 1987  | 8989        | 1604       | 17.8    |
| 1988  | 9502        | 1671       | 17.6    |
| 1989  | 9536        | 1686       | 17.7    |
| 1990  | 10225       | 1696       | 16.4    |
| 1991  | 10766       | 1581       | 14.7    |

(Sumber: *Penyata Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Kelantan, Pejabat Kadi Besar, Kota Bharu*)

Jadual tersebut menunjukkan antara tahun 1980 hingga 1983 kadar perceraian yang berlaku ialah sekitar 41.7 dan 36.7 peratus. Pada tahun 1980 ia berada pada kadar 41 peratus. Pada tahun 1981 kadarnya ialah 40.6 peratus. Pada tahun 1982 pula 37.7 dan 36.7 peratus pada tahun 1983.

Bermula pada tahun 1984 kadar tersebut mula berkurangan dengan begitu jelas sekali hingga ke paras 17.9 peratus pada tahun tersebut, 19.9 peratus pada tahun 1985, 21.8 peratus pada tahun 1986, 17.8 peratus pada tahun 1987, 17.6 peratus pada tahun 1988 dan 17.7 peratus pada tahun 1989. Pada tahun 1990 dan 1991 kadar perceraian itu terus menurun menjadi 16.4 dan 14.7 peratus.

Dengan itu jelas bahawa Enakmen Keluarga Islam 1983 amat berkesan dalam mengurangkan kadar perceraian yang berlaku di Kelantan. Sebelum penguatkuasaan undang-undang tersebut kadar perceraian begitu tinggi, khususnya pada tahun 1980 di mana ianya menghampiri separuh dari perkahwinan yang berlaku. Tetapi selepas penguatkuasaan undang-undang tersebut kadar perceraian berkurangan melebihi separuh dari kadar perceraian yang berlaku pada tahun-tahun yang sebelumnya

Kadar perceraian di atas adalah sebelum diambil kira perujuk yang berlaku dan kadar tersebut berkurangan setelah diambil kira perujukan. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah.

**Jadual 2**  
**Kadar Perceraian Selepas Berlaku Perujukan Dari Tahun 1980-1991**

| Tahun | Perujukan | Perceraian Yang Masih Kekal |         |
|-------|-----------|-----------------------------|---------|
|       |           | Bil.                        | Peratus |
| 1980  | 588       | 3324                        | 34.8    |
| 1981  | 530       | 3250                        | 34.9    |
| 1982  | 481       | 3171                        | 33.6    |
| 1983  | 528       | 3038                        | 31.3    |
| 1984  | 153       | 1266                        | 15.9    |
| 1985  | 159       | 1449                        | 18      |
| 1986  | 125       | 1513                        | 19      |
| 1987  | 113       | 1491                        | 16.5    |
| 1988  | 117       | 1554                        | 16.3    |
| 1989  | 117       | 1569                        | 16.4    |
| 1990  | 133       | 1563                        | 15.3    |
| 1991  | 126       | 1455                        | 13.9    |

(Sumber: *Penyata Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Kelantan, Pejabat Kadi Besar, Kota Bharu*)

Jadual dua di atas menunjukkan kadar perceraian yang masih kekal menjadi berkurangan setelah diambil kira perujukan yang berlaku. Sebelum terlaksananya undang-undang 1983 kadar perceraian menjadi 33 hingga 34 peratus selepas diambil kira perujukan yang berlaku, berbanding dengan 36 hingga 41 peratus sebelum diambil kira perujukan yang berlaku dalam masa yang sama (lihat jadual 1). Kadar itu terus berkurangan, kecuali pada tahun 1985 yang mencatat kadar 18 peratus dan

19 peratus kadar perceraian selepas penguatkuasaan undang-undang berkenaan. Kadar itu terus menurun sehingga kepada 16 peratus.

Dengan itu jelas kadar perceraian semakin kecil selepas diambil kira perujukan yang berlaku. Namun begitu sebelum terlaksananya undang-undang 1983 pada tahun 1984, kadar tersebut adalah masih tinggi, iaitu masih melebihi tiga puluh peratus.

### **Kadar perceraian Mengikut Daerah-Daerah**

Berdasarkan Jadual 1 di atas secara purata kadar perceraian bagi seluruh negeri Kelantan selepas terlaksananya Undang-undang Keluarga Islam 1983 berada di bawah paras dua puluh peratus. Bagaimanapun terdapat daerah tertentu yang kadar perceraian masih lagi melebihi dari 20 peratus, walaupun selepas pelaksanaan undang-undang tersebut dan selepas diambil kira perujukan yang berlaku. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah:

**Jadual 3**  
**Kadar Perceraian Mengikut Daerah-daerah Bagi Tahun 1987, 1989**  
**Hingga Tahun 1991**

| Daerah      | Kah/Cer.%      | Kah/Cer.%      | Kah/Cer.%      | Kah/Cer.%      |
|-------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Bachok      | 807/198(24.5)  | 866/155(17.9)  | 847/138(16.2)  | 927/161(17.4)  |
| Gua Musang  | 172/40 (23.6)  | 189/54 (28.6)  | 239/41 (17.2)  | 289/67 (23.2)  |
| Pasir Puteh | 908/203(23.3)  | 1079/264(24.4) | 1068/173(16.2) | 1097/192(17.5) |
| Tanah Merah | 893/161(18)    | 1021/162(15.9) | 991/205 (20.7) | 1158/102(18.8) |
| Kota Bharu  | 2701/487(18)   | 2493/457(18.3) | 3164/507(16.2) | 2828/499(17.6) |
| Kuala Krai  | 627/110(17.5)  | 773/152(19.7)  | 670/148 (22)   | 769/136(17.7)  |
| Machang     | 668/113(16.9)  | 697/122(17.5)  | 875/122 (14)   | 809/123(15.2)  |
| Tumpat      | 891/126(14.1)  | 1034/157(15.2) | 1039/176(16.9) | 1158/102(8.8)  |
| Pasir Mas   | 1214/169(13.9) | 1384/163(11.8) | 1298/186(14.3) | 1452/167(11.5) |

(Sumber: *Penyata Cerai dan Rujuk Pejabat Kadi Besar, Kota Bharu*)

Catatan: Sebelum palang jumlah perkahwinan dan selepas palang jumlah perceraian dan peratusnya.

Jadual di atas jelas menunjukkan terdapat daerah tertentu yang kadar perceraianya melebihi dari 20 peratus. Bagi daerah Gua Musang misalnya kadar yang dicapai ialah 23.6 peratus pada tahun 1987, 28.6 peratus pada tahun 1989 dan 23.2 peratus pada tahun 1991. Pasir Puteh pula mencatatkan 23.3 peratus pada tahun 1987 dan 24.4 peratus pada tahun 1989. Bagi daerah-daerah lain kadar perceraianya berada di bawah 20 peratus kecuali pada tahun-tahun tertentu sahaja. Bachok misalnya pada tahun 1987 mencatat kadar 24.5 peratus. Kuala Krai pula pada tahun 1990 mencatat kadar 22 peratus. Demikian juga Tanah merah dalam tahun yang sama dengan kadar 20.7 peratus.

Kadar tersebut adalah sebelum diambil kira perujukan yang berlaku. Bagaimanapun bagi daerah-daerah tersebut kadar perceraianya pada tahun tertentu masih lagi melebihi 20 peratus, walaupun setelah diambil kira perujukan yang berlaku. Ini dapat dilihat dari data di bawah:

**Jadual 4**  
**Kadar Perceraian Selepas Rujuk Bagi Daerah-daerah Dari Tahun 1987, 1989-1991**

| Daerah      | 1987 |      | 1989 |      | 1990 |      | 1991 |      |
|-------------|------|------|------|------|------|------|------|------|
|             | Bil. | %    | Bil. | %    | Bil. | %    | Bil. | %    |
| Bachok      | 182  | 22.5 | 142  | 16.4 | 132  | 15.6 | 156  | 16.8 |
| Pasir Puteh | 193  | 21.2 | 251  | 23.4 | 168  | 15.7 | 182  | 16.6 |
| Gua Musang  | 31   | 18   | 43   | 22.7 | 29   | 12.1 | 58   | 20   |
| Tanah Merah | 148  | 16.6 | 147  | 14.4 | 188  | 19   | 94   | 8.1  |
| Kota Bharu  | 466  | 17.2 | 423  | 27   | 457  | 14.9 | 450  | 15.9 |
| Kuala Krai  | 103  | 16.4 | 147  | 19   | 130  | 20.5 | 131  | 17   |
| Machang     | 102  | 16   | 111  | 15.9 | 115  | 13.1 | 115  | 14.2 |
| Tumpat      | 107  | 12   | 149  | 14.4 | 116  | 16   | 121  | 10.6 |
| Pasir Mas   | 163  | 13.4 | 156  | 11.3 | 178  | 13.7 | 161  | 11   |

(Sumber: *Penyata Bilangan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Kelantan, Pejabat Qadhi Besar*)

Dari jadual di atas jelas terdapat daerah-daerah tertentu pada tahun-tahun tertentu kadar perceraianya masih lagi melebihi 20 peratus, walaupun setelah diambil kira perujukan yang berlaku.

Di Gua Musang kadar perceraian yang dicatat ialah 22.7 peratus pada tahun 1989 dan 20 peratus pada tahun 1991. Bachok mencatat 22.5 peratus pada tahun 1987. Pasir Puteh 21.2 peratus pada tahun 1987 dan 23.4 pada tahun 1989, sementara Kuala Krai pula 20.5 peratus pada tahun 1990. Tetapi bagi daerah-daerah lain selepas diambil kira perujukan, kadar perceraianya berada di bawah paras dua puluh peratus, dengan Pasir Mas merupakan daerah yang terendah berlakunya perceraian.

Walaupun terdapat daerah-daerah tertentu yang kadar perceraianya melebihi dua puluh peratus selepas diambil kira perujukan, tidak dinafikan undang-undang tahun 1983 begitu berkesan dalam mengawal perceraian yang berlaku di negeri Kelantan.

### **Faktor Perceraian**

Perceraian yang berlaku di Kelantan adalah berpunca dari berbagai faktor. Tetapi faktor utama ialah suami isteri tidak bertanggungjawab dan campur tangan keluarga.<sup>2</sup>

Antara faktor-faktor lain ialah tidak sefahaman suami isteri.<sup>3</sup>

Lahirnya ketidaksefahaman ini adalah sebagai lanjutan dari faktor-faktor lain yang sudah wujud sebelum dari itu, seperti kedua-dua belah pihak tidak jujur dalam rumahtangga dan sebagainya.<sup>4</sup>

Di samping itu poligami juga merupakan faktor yang tidak kurang kesannya terhadap berlakunya perceraian itu. Data-data berikut menunjukkan kedudukan berkenaan dengan secara detail.

**Jadual 5**  
**Kadar Perceraian Kerana Poligami Dari Tahun 1987, 1989 Hingga 1991**

| Tahun | Poligami | Perceraian | Peratus |
|-------|----------|------------|---------|
| 1987  | 458      | 51         | 11.1    |
| 1989  | 418      | 90         | 21.5    |
| 1990  | 393      | 48         | 12.2    |
| 1991  | 639      | 32         | 5       |

(Sumber: *Penyata Bilangan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Kelantan, Pejabat Qadhi Besar, Kelantan*)

Jadual di atas bagi tiga tahun 1987-1990 menunjukkan bahawa pada tahun 1987 perceraian kerana faktor poligami ialah sebanyak 11 peratus. Pada tahun 1989 meningkat kepada 21.5 peratus dan pada tahun 1990 pula ialah 12.2 peratus. Namun demikian pada tahun 1991 poligami bukan lagi merupakan faktor utama berlakunya perceraian kerana 5 peratus sahaja perceraian yang berlaku kerana faktor tersebut.

Kalau kadar sekitar lima peratus itu dapat dikekalkan, maka pada tahun-tahun akan datang poligami bukan lagi menjadi faktor utama perceraian di Kelantan.

Faktor-faktor lain ialah kerana isteri nusyuz, tidak setia kepada suami. Terdapat beberapa kes yang isteri memohon cerai kerana tergila-gilakan orang lain.<sup>5</sup> Demikian juga kerana pemburuan pekerjaan. Sepanjang tahun 1992 seramai lebih kurang sebelas orang isteri memohon cerai kerana alasan tersebut.<sup>6</sup> Suami penagih dadah, memukul isteri dan sebagainya juga merupakan faktor perceraian.<sup>7</sup>

Keseluruhan faktor-faktor di atas boleh disimpulkan sebagai faktor sosial yang lahir dari perilaku atau tindak tanduk manusia itu sendiri yang merupakan penyebab utama berlakunya perceraian. Faktor fizikal yang bukan lahir dari perilaku manusia bukanlah merupakan penyebab utama berlakunya perceraian, ia hanya melibatkan beberapa kes sahaja.<sup>8</sup>

### Perceraian di Terengganu

Dari data-data yang diperolehi, kadar perceraian di Terengganu secara keseluruhannya juga telah menurun dari setahun ke setahun, khususnya selepas terlaksananya Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu Tahun 1985 yang dikuatkuasakan pada tahun 1986. Ini dapat dilihat dari data-data di bawah:

Jadual 6  
Kadar Perceraian Di Terengganu Dari Tahun 1985 Hingga 1990

| Tahun | Perkahwinan | Perceraian | Peratus |
|-------|-------------|------------|---------|
| 1985  | 5252        | 1690       | 32.2    |
| 1986  | 5643        | 1541       | 27.3    |
| 1987  | 5135        | 1368       | 26.6    |
| 1988  | 4996        | 967        | 19.4    |
| 1989  | 5191        | 1060       | 20.4    |
| 1990  | 5518        | 1005       | 18.2    |
| 1991  | 5591        | 1044       | 18.7    |

(Sumber: Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Islam, Negeri Terengganu)

Dari jadual di atas, jelas kadar perceraian di Terengganu telah menurun dari setahun ke setahun, khususnya selepas pelaksanaan undang-undang tersebut. Ini terbukti dengan adanya perbezaan kadar perceraian yang jelas sebelum dan selepas dilaksanakan undang-undang tersebut. Pada tahun 1985 kadar perceraian yang tercatat ialah 32.2 peratus dan kemudian telah berkurangan selepas dikuatkuasakan peruntukan tersebut pada tahun 1986. Sungguhpun begitu dalam masa dua tahun selepas pelaksanaan peruntukan tersebut kadar perceraian itu masih lagi tinggi, iaitu 27.3 peratus pada tahun 1986 dan 26.6 peratus pada tahun 1987. Tetapi bermula pada tahun 1988 keadaan tersebut telah berubah di mana kadar perceraian terus berkurangan, iaitu 19.4 peratus pada tahun 1988. Naik sedikit pada tahun 1989 iaitu dengan kadar perceraian 20.4 peratus. Selepas itu ia menurun kembali dengan 18.2 peratus pada tahun 1990 dan 18.7 peratus pada tahun 1991.

Kadar perceraian di atas adalah sebelum diambil kira perujukan yang berlaku dan kadar itu lebih kecil setelah diambil kira perujukan tersebut. Ini dapat dilihat dari data-data di bawah:

**Jadual 7**  
**Kadar Perceraian Selepas Berlaku Perujukan Dari Tahun 1985-1990**

| Tahun | Perujukan | Perceraian Yang Masih Kekal |         |
|-------|-----------|-----------------------------|---------|
|       |           | Bil.                        | Peratus |
| 1985  | 260       | 1430                        | 27.2    |
| 1986  | 225       | 1316                        | 23.2    |
| 1987  | 254       | 1114                        | 21.7    |
| 1988  | 93        | 874                         | 17.5    |
| 1989  | 145       | 915                         | 17.6    |
| 1990  | 123       | 882                         | 16      |

(Sumber: *Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Islam, Negeri Terengganu*)

Setelah diambil kira perujukan yang berlaku kadar perceraian yang masih kekal ialah di sekitar 27.2 peratus dan 21.7 peratus pada tahun 1985 hingga 1987 berbanding dengan 32.2 dan 26.6 peratus pada tahun yang sama sebelum diambil kira perujukan yang berlaku. Sekitar 17.5 dan 16 peratus pada tahun 1987 hingga 1990 berbanding dengan 19.4 dan 18.7 sebelum diambil kira perujukan yang berlaku.

Dengan itu ternyata Undang-undang 1985 yang dikuatkuasakan pada tahun 1986 adalah berkesan dalam mengurangkan kadar perceraian yang berlaku di Terengganu. Enakmen ini memperuntukan seseorang yang menceraikan isteri tanpa kebenaran mahkamah dianggap melakukan satu kesalahan dan sesiapa melanggar peruntukan itu boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih dari lima ratus atau



penjara tidak lebih dari tiga bulan penjara atau kedua-duanya sekali.<sup>9</sup>

### Kadar Perceraian Mengikut Daerah-daerah

Walaupun secara purata kadar perceraian bagi seluruh Terengganu bertambah baik, namun bagi daerah tertentu kadar perceraianya begitu tinggi, khususnya sebelum dikuatkuasakan undang-undang tersebut dan dua tahun selepas penguatkuasaannya. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah.

**Jadual 8**  
**Kadar Perceraian Bagi Daerah-daerah Bagi Terengganu**  
**Dari Tahun 1985 Hingga 1991**

| Daerah    | 1985              | 1986              | 1987              | 1988              | 1989              | 1990              | 1991             |
|-----------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|------------------|
| Hulu Ter. | 334/195<br>(58.5) | 357/140<br>(39.2) | 265/98<br>(37)    | 421/99<br>(23.5)  | 481/110<br>(22.9) | 403/92<br>(22.3)  | 141/33<br>(23.7) |
| Besut     | 902/327<br>(36.2) | 900/183<br>(20.3) | 713/189<br>(26.5) | 800/147<br>(18.5) | 832/161<br>(19.3) | 796/130<br>(16.3) | 974/143<br>(15)  |
| Marang    | 164/59<br>(36)    | 575/246<br>(43)   | 427/104<br>(24.4) | 482/72<br>(15)    | 297/104<br>(35)   | 614/126<br>(20.5) | 500/69<br>(22)   |
| Dungun    | 706/216<br>(30.6) | 180/193<br>(33.3) | 660/193<br>(29.4) | 496/92<br>(18.5)  | 549/106<br>(19.3) | 693/135<br>(19.5) | 610/134<br>(22)  |
| Kemaman   | 657/200<br>(30.4) | 659/210<br>(31.9) | 682/174<br>(25.5) | 638/121<br>(19)   | 636/142<br>(22.4) | 634/148<br>(23.3) | 714/141<br>(18)  |
| Setiu     |                   | 297/80<br>(26.9)  | 321/95<br>(29.6)  | 308/78<br>(25.3)  | 319/55<br>(17.2)  | 289/55<br>(19)    | 345/62<br>(17.8) |
| K.Ter     | 2490/<br>(27.9)   | 22275/<br>(21.5)  | 2067/<br>(24.9)   | 1851/<br>(19.4)   | 2077/<br>(18.4)   | 2089/<br>(15.3)   | 2068/<br>(19.6)  |

(Sumber: *Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Islam, Terengganu*)  
Catatan: Sebelum palang perkahwinan; selepas palang perceraian dan peratusnya.

Dari data-data di atas jelas purata perceraian bagi beberapa daerah tertentu adalah tinggi, khususnya sebelum dan dua tahun selepas pelaksanaan undang-undang 1985. Di Hulu Terengganu perceraian yang berlaku ialah sekitar 37 hingga 58.8 peratus pada tahun 1985 hingga 1987. Marang, dalam tahun yang sama di sekitar 24 hingga 43 peratus. Dungun, di sekitar 29 hingga 33 peratus. Kemaman, di sekitar

25 hingga 30 peratus dan Besut di antara 36 hingga 29 peratus.

Kadar perceraian ini telah bertambah baik bermula dari tahun 1988 hingga 1991. Namun begitu Marang, Hulu Terengganu dan Kemaman masih lagi melebihi 20 peratus.

### **Punca Perceraian**

Punca perceraian atau perpecahan rumahtangga di Terengganu ini pada keseluruhannya hampir sama dengan punca perceraian di Kelantan. Kenyataan ini berdasarkan dari data aduan rumahtangga yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak, lelaki dan perempuan:<sup>10</sup>

#### *Pengaduan Perempuan*

Aduan-aduan yang dibuat oleh pihak perempuan adalah seperti berikut:

1. Suami tidak balik/lari dari rumah
2. Tidak ada persefahaman/selalu bertengkar
3. Selalu dianiaya oleh suami iaitu pukul, tipu dan lain-lain.
4. Suami curang.
5. Masalah seks, lemah tenaga batin dan sebagainya.
6. Masalah tempat tinggal.
7. Mengenai nafkah
8. Campur tangan orang ketiga, khususnya campur tangan keluarga

Itulah faktor-faktor keruntuhan rumahtangga yang berpunca dari pihak suami. Lapan faktor adalah faktor sosial dan hanya satu faktor sahaja yang melibatkan faktor fizikal yang tidak dapat dielakkan.

#### *Pengaduan Lelaki*

Lelaki juga membuat berbagai aduan mengenai tindak tanduk isteri. Aduan-aduan itu adalah seperti berikut:

1. Isteri lari.
2. Isteri tidak mahu tinggal di rumah yang ditetapkan oleh suami.
3. Isteri minta cerai.
4. Masalah seks.
5. Campur tangan keluarga
6. Tidak ada persefahaman.
7. Isteri tidak tunaikan tanggungjawab.
8. Isteri nusyuz.
9. Isteri tidak mahu dimadukan

## 10. Masalah-masalah lain.

Dari aduan-aduan di atas jelas faktor keruntuhan rumahtangga yang berpunca dari pihak isteri adalah sama dengan faktor yang berpunca dari suami.

Dengan itu boleh disimpulkan kedua-dua belah pihak sama-sama terlibat menyebabkan perpecahan rumahtangga, yang kalau tidak dikawal ia akan berakhir dengan perceraian.

Namun begitu pihak lelaki sebagai penyebab utama yang membawa perpecahan rumahtangga. Hal ini dapat dilihat dari data-data kes pengaduan yang dibuat sepanjang enam tahun, iaitu dari 1985 hingga 1990.

Jadual 9  
Pengaduan Krisis Rumahtangga Muslim Negeri Terengganu 1985-1990

| Tahun | Perempuan | Lelaki | Lelaki Melebihi Perempuan |         |
|-------|-----------|--------|---------------------------|---------|
|       |           |        | Bil.                      | Peratus |
| 1985  | 301       | 164    | 137                       | 83.5    |
| 1986  | 350       | 178    | 122                       | 68.5    |
| 1987  | 401       | 188    | 213                       | 113.2   |
| 1988  | 448       | 191    | 257                       | 134.5   |
| 1989  | 503       | 262    | 241                       | 91.9    |
| 1990  | 512       | 235    | 287                       | 122.1   |

(Sumber: *Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah Terengganu*)

Data-data di atas menunjukkan aduan yang dibuat oleh perempuan pada keseluruhannya melebihi dari aduan yang dibuat oleh pihak lelaki. Pada tahun tertentu aduan yang dibuat oleh perempuan melebihi 100 peratus atau melebihi sekali ganda dari pengaduan yang dibuat oleh pihak lelaki. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa tindak tanduk suami merupakan punca utama berlakunya perpecahan dalam rumahtangga.

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada data-data kajian di atas ternyata kadar perceraian bagi negeri Kelantan dan Terengganu telah bertambah baik dari setahun ke setahun, khususnya selepas terlaksananya Undang-undang Keluarga Islam yang baru bagi negeri-negeri berkenaan. Di Terengganu walaupun telah ada perubahan tetapi bagi daerah-daerah tertentu kadar perceraianya adalah masih tinggi.

Faktor perceraian melibatkan kedua-dua belah pihak, iaitu suami dan isteri. Di Terengganu tindak tanduk suami merupakan punca utama berlaku perceraian, tetapi

di Kelantan tidak terdapat data-data tepat. Adalah dipercayai tidak banyak perbezaan dengan apa yang berlaku di Terengganu. Selain disebabkan oleh suami isteri sendiri perceraian juga melibatkan pihak ketiga, khususnya keluarga kedua-dua belah pihak.

Boleh dikatakan sebahagian besar perceraian yang berlaku adalah berpunca dari perilaku manusia. Penyakit fizikal yang dihidapi oleh suami isteri bukan merupakan faktor utama berlaku dan ini tidak dapat dielakkan.

Oleh itu perlu diberi kesedaran supaya umat Islam dapat menghormati Undang-undang Keluarga Islam yang baru supaya tidak menjatuhkan talak dengan sesuka hati, selaras dengan ajaran Islam yang mempersempitkan perceraian.

Tumpuan mesti diutamakan kepada daerah-daerah yang kadar perceraianya begitu ketara, tanpa mengabaikan daerah-daerah yang lain.

Sebagai melaksanakan tugas-tugas di atas perlu dipertingkatkan lagi prestasi pentadbiran yang berkaitan dengan kekeluargaan baik di segi kuantiti mahupun kualiti.

**Nota Kaki**

1. *Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983* sek. 105.
2. Temuramah dengan Hj. Mokhtar Hj. Muhammad, Kadi Kota Bharu di Pejabat Kadi, Kota Bharu, pada 16.11.1992.
3. Temuramah dengan Abdullah Kuti, Pendakwa Syariah di Pejabat Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Kota Bharu pada 12.11.1992.
4. *Ibid.*
5. Temuramah dengan Abdullah Rahimi Hj. Muhammad Daud, Hakim Mahkamah Syariah, di Pejabat Kadi Besar, pada 12.11.1992.
6. *Ibid.*
7. Temuramah dengan Idris Yusuf, di Pejabat Penguatkuasa dan Pendakwaan Syariah, pada 12.11.1992.
8. *Ibid.*
9. *Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985*, sek. 121.
10. Kes Pengaduan Krisis Rumahtangga, Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Terengganu.